

MAHATHIR-PELAWA 2'2'2'

OLEH MAHRUS IBRAHIM

1982

ALOR STAR, 27 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI KESAL DAN KECIWA DENGAN ''SAMBUTAN DINGIN'' YANG DITUNJUKKAN OLEH PAS TERHADAP PELAWAANNYA KEPADA PARTI PEMBANGKANG ITU UNTUK MENYERTAI SEMULA BARISAN NASIONAL.

WALAUPUN PERDANA MENTERI TIDAK MENYEBUT SECARA LANGSUNG MENGENAI PERKARA ITU KENYATAANNYA ''KALAU NAK BERSATU, TIDAK PAYAH LAGI ADA SYARAT-SYARAT'' JELAS DITUJUKAN KEPADA JAWAPAN PRESIDEN PAS DATUK HAJI MOHAMAD ASRI KEPADA PELAWAAN PERDANA MENTERI ITU.

PEMIMPIN PAS ITU BERKATA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR HENDAKLAH MENUNJUKKAN KESUNGGUHANNYA MENGENAI SOAL KEMASUKKAN SEMULA PARTINYA DALAM BARISAN NASIONAL.

BELIAU JUGA BERKATA PELAWAAN PERDANA MENTERI ITU DIBUAT TIDAK TEPAT PADA MASANYA.

DI TRENGGANU KHAMIS LALU DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG JUGA PENERUS BARISAN NASIONAL MENGAJAK PAS KEMBALI KE PANGKUAN BARISAN NASIONAL DEMI KEPENTINGAN BANGSA, AGAMA DAN TANAH AIR. -- BERSAMBUNG 1419/LK

B562:

MAHATHIR-PELAWA 2 ALOR STAR

BERUCAP DI ACARA MELETAK BATU ASAS BANGUNAN IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) DI SINI HARI INI DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM SOAL HENDAK BERSATU, TIDAK PAYAH LAGI DISEBUT SYARAT-SYARATNYA.

''KITA SENTIASA Mencari JALAN UNTUK BERSATU TANPA SEBARANG SYARAT,'' KATANYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN SENDIRI SISTEM TOLONG-MENOLONG SENTIASA DIAMALKAN.

UMPAMANYA KALAU TRENGGANU KAYA DENGAN MINYAK IA BOLEH MEMBANTU NEGERI-NEGERI YANG TIDAK MEMPUNYAI HASIL DARI BAHAN ASLI SEPerti NEGERI KEDAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HANYA MELALUI PERPADUAN, NEGARA AKAN MAJU DAN RAKYATNYA DAPAT MENIKMATI HASIL-HASIL PEMBANGUNAN ROHANI DAN JASMANI. -- BERNAMA 1429/LK